



KENYATAAN MEDIA
MAJLIS PENUTUPAN
BORNEO FLORA FESTIVAL (BFF) @ LABUAN 2025

30 JULAI 2025 (RABU) – Borneo Flora Festival (BFF) @ Labuan 2025 melabuhkan tirainya setelah dilancarkan dengan rasminya pada 26 Julai 2025. Majlis Penutupan Borneo Flora Festival (BFF) @ Labuan 2025 telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Zaliha Binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) dalam satu majlis yang sederhana tetapi gilang gemilang. Majlis tersebut telah dihadiri oleh lebih 300 jemputan yang terdiri daripada pegawai daripada Jabatan Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Labuan, para peserta pameran, ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan di WP Labuan, rakan-rakan media serta pemimpin-pemimpin masyarakat.

Borneo Flora Festival (BFF) @ Labuan 2025 telah bermula sejak 26 Julai 2025 yang lalu dan telah dirasmikan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia, Seri Paduka Bagnda, Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah. Majlis tersebut turut dihadiri oleh kenamaan yang lain antaranya YABhg. Toh Puan Datuk Patingggi Fauziah binti Mohd Sanusi`, YABhg isteri Ketua Setiausaha Negara serta ramai lagi jemputan kenamaan dari dalam mahupun luar negara.

JUMLAH PESERTA PAMERAN

Secara ringkasya, Borneo Flora Festival (BFF) @ Labuan 2025 yang julung-julung kali diadakan ini telah disertai oleh 31 peserta pameran taman, 12 lot Garden Bazar, 24 lot Artisan Bazar dan 83 lot F&B. Tidak dilupakan, 13 agensi kerajaan dan swasta telah menyertai pameran di reruai yang telah disediakan khusus untuk kunjungan orang ramai sepanjang festival berlangsung.

ANUGERAH

Pada majlis penutupan ini, 10 anugerah telah disampaikan hasil daripada sesi penjurian yang telah dilaksanakan pada 25 Julai 2025 yang lalu. Antara anugerah yang telah disampaikan ialah:

1. Anugerah Laman Ikonik
2. Anugerah Binaan Laman Terbaik
3. Anugerah Laman Cahaya Terbaik
4. Anugerah Laman Kreatif
5. Anugerah Laman Etnik
6. Anugerah Laman CEO
7. Anugerah Laman Pilihan Pengunjung
8. Anugerah Khas Juri
9. Anugerah *Outstanding*
10. Anugerah Khas Antarabangsa BFF

KETIBAAN PENGUNJUNG

Sasaran asal yang telah ditetapkan untuk menerima 50,000 kunjungan sepanjang festival ini telah berjaya dipecahkan dan jumlah tersebut telah berjaya dicapai hanya dalam masa 2 hari penganjuran. Berdasarkan rekod, pada hari terakhir penganjuran, seramai 120,154 orang pengunjung telah mengunjungi taman pameran dan pengunjung yang ke 100,000 telah diberikan penghargaan serta hadiah daripada pihak penganjur.

FAEDAH DAN MANFAAT

Penganjuran festival ini bukan sahaja dilihat dari aspek pelancongan dan penganjuran acara. WP Labuan memang sudah terkenal dengan penganjuran-penganjuran acara pelancongan yang berprestij seperti Labuan international Sea Challenge (LISC) dan Borneo Arts Festival (BAF). Namun, jika kita fokus kepada aspek pulangan atau *return of investment* (ROI) kepada WP Labuan, festival ini sesungguhnya telah memberi faedah serta pulangan berlipat ganda termasuk peningkatan pendapatan yang amat ketara kepada para pemain industri, para peniaga, industri perhotelan dan inap desa yang menerima tempahan penginapan antara 90% hingga 100% dalam tempoh penganjuran festival, peningkatan

penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam, peningkatan hasil daripada perniagaan makanan dan minuman dan banyak lagi. Peningkatan yang amat ketara sekali ialah peningkatan jumlah kemasukan pelancong dan pengunjung masuk ke WP Labuan sepanjang festival tersebut berlangsung yang diperolehi daripada data kemasukan di pintu masuk ke WP Labuan. Berdasarkan tinjauan yang telah dilaksanakan ke atas pengusaha makanan dan minuman yang beroperasi di sekitar tapak festival, purata pendapatan sehari mampu mencecah RM10,000 dengan jumlah pengunjung mencecah 1,500 orang sehari.

Faedah utama yang diperolehi daripada penganjuran festival ini ialah *transferring knowledge* serta jalinan sinergi, bukan sahaja antara agensi di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan tetapi juga antara para pempamer serta para peserta pameran. Festival yang besar ini semestinya memerlukan kerjasama serta gerak kerja yang jitu untuk menjayakannya.

PENUTUP

Perbadanan Labuan mengakui banyak perkara yang perlu ditambah baik sekiranya festival ini dianjurkan akan datang. Melalui satu laporan akhbar yang dikeluarkan selepas majlis perasmian pada 26 Julai 2025, Majlis Bandaraya Miri menyuarakan kesediaan Sarawak untuk penganjuran Borneo Flora Festival (BFF) akan datang. Sesungguhnya penganjuran Borneo Flora Festival (BFF) @ Labuan 2025 kali ini benar-benar memberi impak yang positif, Ini merupakan tujuan asal mengapa festival besar ini diilhamkan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) serta dianjurkan di WP Labuan. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) amat komited untuk menjadikan WP Labuan sebagai hub dan destinasi pelancongan serantau dan penganjuran festival seperti ini mampu merealisasikan hasrat serta impian ini. Borneo Flora Festival (BFF) @ Labuan 2025 bukanlah milik Wilayah Persekutuan semata-mata tetapi festival ini adalah milik semua dan semua pihak telah bertungkus lumus menjayakan festival kali ini.

Disediakan oleh :

PERBADANAN LABUAN

30 JULAI 2025

SENARAI PENERIMA ANUGERAH

1. Anugerah Laman Ikonik

- a. Kategori Kerajaan – DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU
- b. Kategori Korporat – PUTRAJAYA HOLDINGS SDN. BHD.

2. Anugerah Binaan Laman Terbaik

- a. Kategori Kerajaan – PERBADANAN PUTRAJAYA
- b. Kategori Korporat – PUTRAJAYA HOLDINGS SDN. BHD.
- c. Kategori Universiti – KOLEJ MATRIKULASI LABUAN
- d. Kategori Sekolah Menengah – LABUAN INTERNATIONAL SCHOOL
- e. Kategori Sekolah Rendah – SEKOLAH KEBANGSAAN PEKAN 1
- f. Kategori Komuniti – PERSATUAN WANITA TANI LABUAN

3. Anugerah Laman Cahaya Terbaik

- a. Kategori Kerajaan – DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
- b. Kategori Korporat – TIARA LABUAN HOTEL
- c. Kategori Universiti – KOLEJ MATRIKULASI LABUAN
- d. Kategori Sekolah Menengah – SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MUTIARA
- e. Kategori Sekolah Rendah – SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN SK ST. ANNE
- f. Kategori Komuniti – KOMUNITI PERTANIAN (JABATAN PERTANIAN, LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG DAN FAMA)

4. Anugerah Laman Kreatif

- a. Kategori Kerajaan – PERBADANAN LABUAN
- b. Kategori Korporat – ASIAN SUPPLY BASE SDN BHD
- c. Kategori Universiti – INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN LABUAN
- d. Kategori Sekolah Menengah – SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MUTIARA
- e. Kategori Sekolah Rendah – SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT KALLAM
- f. Kategori Komuniti – KRT TAMAN PERUMAHAN LDA SG BEDAUN (JPNIN)

5. Anugerah Laman Etnik

- a. Kategori Kerajaan – LEMBAGA PEMEGANG AMANAH TAMAN-TAMAN SABAH
- b. Kategori Korporat – TIARA LABUAN HOTEL
- c. Kategori Universiti – KOLEJ VOKASIONAL LABUAN
- d. Kategori Sekolah Menengah – SEKOLAH MENENGAH ST. ANNE
- e. Kategori Sekolah Rendah – SEKOLAH KEBANGSAAN PEKAN 1
- f. Kategori Komuniti – PERSATUAN WANITA TANI LABUAN

6. Anugerah Laman CEO

- a. Kategori Kerajaan – MAJLIS BANDARAYA MIRI
- b. Kategori Korporat – ASIAN SUPPLY BASE SDN BHD
- c. Kategori Universiti – UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
- d. Kategori Sekolah Menengah – SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PANTAI
- e. Kategori Sekolah Rendah – SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT KALLAM
- f. Kategori Komuniti – KOPERASI SITI HALIMAH MASIR BERHAD

7. Anugerah Laman Pilihan Pengunjung

- a. PERBADANAN LABUAN

8. Anugerah Khas Juri

- a. Kategori Kerajaan – DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA
- b. Kategori Korporat – PETRA ENERGY BERHAD

9. Anugerah *Outstanding*

- a. DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

10. Anugerah Khas Antarabangsa BFF

- a. NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
- b. KOTA PONTIANAK, KALIMANTAN INDONESIA